

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WILSON UGAK KUMBONG
[HULU RAJANG]**

TARIKH : 17 JUN 2015

RUJUKAN : 7977

SOALAN:

Tuan Wilson Ugak Kumbong [Hulu Rajang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah terdapat sebarang perancangan untuk menaik taraf kemudahan Pondok Polis Sungai Asap di bangunan kedai sewa kepada balai polis bagi memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat setempat.

JAWAPAN:

Pada masa ini, Pondok Polis Sungai Asap sedang beroperasi secara sewaan di bangunan rumah kedai (dua tingkat) beralamat di No. 1070, sublot No. 10, Blok 26, Punan Land District, Local Centre 1, Sungai Asap, Belaga dengan kadar sewaan RM3000 sebulan. Kelulusan sewaan bangunan telah diperoleh sehingga 31 Mac 2016. Cadangan tapak projek telahpun dikenalpasti dan proses pemilikan tanah sedang diusahakan. Perancangan lanjut mengenai binaan Balai Polis Sungai Asap ini akan diberi pertimbangan setelah proses pengambilan tanah diselesaikan serta bergantung kepada faktor-faktor lain yang berkaitan kelak.